

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI RABU, 14HB DISEMBER, 1983, PUKUL 2.30 PETANG

Bil. 37

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

- *1. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bila agaknya akan siap projek perumahan dan juga kedai yang terletak di Tanah KTM Bukit Bangsar yang sekarang ini sedang dalam pembinaan.
- *2. Tuan P.P. Vijandran minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada:-
- (a) perkhidmatan Aerobus yang dicadangkan di Kuala Lumpur akan diswastakan;
 - (b) sebarang langkah telah diambil bagi menghindarkan kenaikan kos bagi pelaksanaan sekim Aerobus ini; dan
 - (c) satu kajian telah dan akan dibuat untuk melaksanakan perkhidmatan Monorail bagi Lembah Kelang; jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan.
- *3. Puan Ragayah Ariff minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengadakan pusat-pusat pemulihan dadah yang baru selain dari pusat-pusat yang ada sekarang berkaitan dengan meningkatnya penagih-penagih dadah pada masa ini.
- *4. Dato' S. Govinda Raj minta Menteri Dalam Negeri memberi pengesahan tentang laporan mengatakan munculnya Ketua Parti Komunis Malaya Chin Peng di negeri ini, dan sekiranya benar, nyatakan sama ada kemunculannya akan meningkatkan moral komunis-komunis tempatan dan berkemungkinan mengancam keselamatan negara dengan lebih serius lagi.
- *5. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab mengapa Kementerianya tidak mengharamkan merokok di tempat-tempat awam oleh kerana bahaya akibat merokok dan asapnya adalah nyata.
- *6. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan:-
- (a) langkah-langkah yang telah diambil untuk membentaras ajaran-ajaran salah yang sedang berleluasa di merata-rata negeri di negara kita ini; dan
 - (b) sama ada pihak Kerajaan dapat mengesan ada pihak-pihak tertentu di belakang penganut-penganut ajaran sesat ini.
- *7. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kemasukan dadah, senjata api dan peluru secara haram ke negara ini sedang menjadi-jadi hingga sekarang; jika sedar, apakah langkah-langkah sekatan yang dijalankan di Kawasan Sempadan bagi membentaras kegiatan tersebut yang mengancam ketenteraman negara.

- *8. Tuan Alexander Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan mengapa Bandaraya Kuala Lumpur selalu banjir apabila sahaja hujan dan sama ada beliau boleh menjelaskan mengapa perkara ini tidak lagi diperbaiki.
- *9. Tuan Haji Abdul JaXil bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengetatkan lagi keselamatan Bank-bank pada masa akan datang.
- *10. Puan Hajjah Hafsa binti Osman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa semua Kementerian atau Jabatan Ugama Islam tidak diberi kuasa untuk memberi kelulusan tanda "Halal" sebagai menandakan sesuatu bahan makan itu halal atau haram untuk dimakan oleh orang-orang Islam, jika ya, nyatakan siapa sebenarnya yang bertanggungjawab dalam perkara ini dan apa tindakan yang boleh diambil untuk menentukan bahawa penggunaan "Halal" ini tidak disalahgunakan.
- *11. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada benar bahawa adalah menjadi dasar Kementerian menggantung lesen pemborong Bumiputra yang menyerahkan kerjanya kepada pemborong bukan Bumiputra selepas mendapat tender kerja itu; jika ya, nyatakan sama ada ini bercanggah dengan saranan beliau bahawa kemajuan pesat dapat dicapai dengan adanya kerjasama di antara pemborong Bumiputra dan bukan Bumiputra.
- *12. Tuan Basharon Hanafiah minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada penduduk-penduduk di sebelah negeri Thai yang mendirikan bangunan-bangunan mereka berhampiran dengan pagar yang didirikan oleh Kerajaan kita di sempadan negeri Thai-Malaysia, jika sedar nyatakan sama ada rundingan telah diadakan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thai berhubung perkara tersebut yang boleh membahayakan Malaysia di dalam jangka masa panjang.
- *13. Tuan Ko Kumaran minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dengan negara mana perjanjian telah dicapai untuk perniagaan "barter" dan nyatakan jenis barangan yang diperniagakan dan sama ada perniagaan begini akan menjejaskan imbalan pembayaran negara atau tidak.
- *14. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sebab-sebab mengapa bantuan kewangan skim penggalak tanah semula (SEPENTAS) diberhentikan dan nyatakan:-
- (a) hubungan tindakan itu dengan kemelesetan ekonomi dunia; dan
 - (b) sama ada Kerajaan bercadang hendak meneruskan rancangan ini.
- *15. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerja-kerja penempatan semula pendatang-pendatang haram akan dipercepatkan berikutan dengan laporan bahawa bilangannya sehingga pertengahan tahun 1983 mulai bertambah lagi iaitu 1,755 orang pada bulan April, 1488 orang pada bulan Mei, 1,377 orang pada bulan Jun sehingga jumlah bilangan meningkat kepada 4,620 orang, dan nyatakan juga sama ada negara-negara ketiga masih sedia menerima semua pendatang-pendatang haram itu.
- *16. Dato' Yap Peng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memperuntukkan sebuah kediaman rasmi tetap untuk Timbalan Perdana Menteri.
- *17. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau akan menimbangakan mengeluarkan stem baru sempena upacara tiap-tiap pembukaan rasmi Parlimen.

- *18. Tuan Haji Latip bin Haji Dris minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah jumlah wang yang terlibat dalam skandal Bumiputra Malaysia Finance (BMF) yang dilakukan oleh Lembaga Pengarah dan eksekutif kanan Bank Bumiputra, dan sejak bilakah perkara itu berlaku.
- *19. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah menyatakan:-
- (a) sebab-sebab mengapa RISDA memberhentikan pembelian getah-getah keping dari pekebun-pekebun kecil di Trengganu semenjak akhir-akhir ini; dan
 - (b) sama ada pemberhentian membeli getah oleh RISDA berlaku di Iain-lain negeri di seluruh Malaysia.
- *20. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Penerangan menyatakan dasar Kerajaan berhubung dengan Direct Broadcasting System (DBS) yang akan berjalan dalam 3 atau 4 tahun lagi.
- *21. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peserta-peserta ke Pesta Filem Asean yang ke 13 yang mewakili negara ini bukan dari artis-artis terkenal dan tidak pernah berlakun dalam filem; jika sedar nyatakan langkah-langkah yang diambil supaya artis-artis yang mewakili negara ini adalah bintang-bintang filem yang benar-benar popular dan dikenali ramai.
- *22. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah menyatakan:-
- (a) sama ada potongan harga yang dibuat di atas baja yang dibekalkan kepada peneroka FELDA di seluruh negara akan menjejaskan pendapatan untuk saraan hidup keluarga peneroka-peneroka; dan
 - (b) sekiranya potongan harga baja itu telah dibuat nyatakan akan jumlah wang terkumpul yang didapati dari potongan tersebut.
- *23. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengguna-pengguna telefon selalu menerima bill yang berlebihan daripada yang mereka gunakan dan jika sedar apakah tindakan beliau telah ambil untuk mengatasi perkara ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

(DR. 35/83)	Rang Undang-undang Perbekalan 1984 - Menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (13hb. Disember, 1983)	
(DR. 36/83)	Rang Undang-undang Kewangan	Bacaan Kali Yang Kedua.
(DR. 37/83)	Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang.	"
(PR. 26/83)	Rang Undang-undang Pinjaman Luar (Pindaan)	"
(DR. 34/83)	Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan)	"
(DR. 29/83)	Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan)	"
(DR. 31/83)	Rang Undang-undang Bank (Pindaan)	"
(DR. 27/83)	Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan)	"
(DR. 28/83)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan)	"
(DR. 32/83)	Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan)	"
(DR. 30/83)	Rang Undang-undang Manuver Tentera	"
(DR. 38/83)	Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan)	"
(DR. 39/83)	Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan)	"
(DR. 33/83)	Rang Undang-undang Rumah Judi Terbuka (Pindaan)	"
(DR. 40/83)	Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan)	"